

KESAN HENDAP SIBER TERHADAP KESIHATAN MENTAL PENGGUNA MEDIA SOSIAL

THE EFFECT OF CYBERSTALKING TOWARDS MENTAL HEALTH OF SOCIAL MEDIA USERS

Noraini Azmi ¹

Ahmad Fahmi Mahamood ²

Zuraidi Ahmad Mokhdzar ³

Tengku Kastriafuddin Tengku Yakob ⁴

Maskor Bajuri ⁵

Zainab Ahmad ⁶

^{1 2 3 4 5}Department of Communication, Faculty of Business and Communication, Universiti Malaysia Perlis

¹Email: noraini@gmail.com

²Email: fahmi@unimap.edu.my

³Email: zuraidi@unimap.edu.my

⁴Email: kastriafuddin@unimap.edu.my

⁵Email: maskor@unimap.edu.my

⁶Institut Perguruan Kampus Perlis

⁶Email: zainab.ahmad@ipgm.edu.my

Article history

Received date : 3-4-2025

Revised date : 4-4-2025

Accepted date : 7-5-2025

Published date : 15-5-2025

To cite this document:

Azmi, N., Mahamood, A. F., Ahmad Mokhdzar, Z., Tengku Yakob, T. K., Bajuri, M., & Ahmad, Z. (2025). Kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (72), 267-285.

Abstrak: Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial dan menentukan tiga pemboleh ubah iaitu tren hendap siber, faktor berlakunya hendap siber, kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial, dengan aktiviti hendap siber. Populasi bagi kajian ini adalah melibatkan penduduk di Perlis yang terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada 130 orang responden yang dipilih menggunakan teknik persampelan secara rawak. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang berbentuk "Google Form" bagi mendapatkan data kajian. Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis statistik deskriptif, dan inferensi. Analisis hipotesis kajian juga digunakan untuk menguji hubungan antara aktiviti hendap siber dengan pemboleh ubah. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga objektif berjaya dicapai dan ketiga-tiga hipotesis boleh diterima. Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan paling signifikan adalah hipotesis ketiga iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial dengan aktiviti hendap siber.

Kata Kunci: Hendap siber, Teknologi komunikasi

Abstract: This study was conducted to examine the effect of cyberstalking on the mental health of social media users and determine three variables, namely cyberstalking trends, cyber stalking factors, the effects of cyberstalking on the mental health of social media users, and cyberstalking activities. The population for this study involves residents in Perlis who are made up of various demographic backgrounds. The respondents for this study consisted of 130 respondents who were selected using a random sampling technique. The method used in this study is a questionnaire in the form of a "Google Form" to obtain research data. The data analysis used in this study is descriptive statistical analysis, and inference. Analysis of research hypotheses is also used to test the relationship between cyberstalking activities and variables. The results of the study found that all three objectives were successfully achieved and all three hypotheses were acceptable. In addition, the results of the study show that the most significant relationship is the third hypothesis, which is that there is a significant relationship between the effects of cyberstalking on the mental health of social media users and cyberstalking activities.

Kata Kunci: Cyberstalking, Communication Technologies

Latar Belakang Kajian

Kemajuan teknologi terkini seringkali menghadapi pelbagai cabaran tidak terkecuali teknologi komunikasi. Hendap siber bukanlah suatu jenayah siber yang baharu dan diketahui telah lama wujud dalam platform komunikasi maya. Oleh yang demikian, banyak negara-negara maju yang telah perhatian serius hendap siber dengan memperuntukkan undang-undang bagi mengatasi fenomena. Hendap siber dikategorikan sebagai jenayah sejak tahun 90-an lagi kerana modus operandinya yang melibatkan salah guna teknologi komunikasi sebagai peralatan untuk melakukan aktiviti tidak bermoral (Musa et al. 2015). Kebanyakan kajian melibatkan isu berkaitan hendap siber hanya melibatkan kaedah perbandingan antara kuasa perundangan sedia ada Malaysia dengan negara lain yang telah mewujudkan undang-undang khas bagi mengatasi jenayah hendap siber seperti Amerika Syarikat dan UK. Kajian yang telah dijalankan pada tahun 2018 lalu Mendapati bahawa hendap siber masih samar-samar kedudukannya dalam perundangan semasa Malaysia, hasil kajian tersebut juga telah membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk menyemak semula undang-undang sedia ada untuk menangani jenayah hendap siber dan memperuntukkan perlindungan kepada mangsa ke dalam sistem keadilan jenayah Malaysia (Hamin & Rosli, 2018). Kesan terbesar yang diakibatkan oleh hendap siber ini tidak lain terhadap kesihatan mental mangsanya. Argyroula (2019) melalui kajian yang dibuat mendapati bahawa mangsa-mangsa hendap siber mempunyai keinginan bunuh diri yang tinggi dan didiagnosis secara sahif menghidapi pelbagai masalah kesihatan mental seperti kemurungan melampau, kegelisahan melampau, serangan panik, serta tekanan melampau, insomnia. Kajian oleh Billea Ahlgrim et al., (2018) pula mengkaji berkenaan dengan kesan terhadap kesihatan mental pelaku jenayah hendap siber. Melalui kajian berkenaan ia membuktikan bahawa jenayah hendap siber bukan sahaja mengganggu kesihatan mental mangsa, malah pelaku hendap siber juga akan terkesan dari segi mental mereka. Dapatkan kajian menunjukkan tren bahawa kebiasaannya, keadaan mental pelaku hendap siber sama ada lelaki atau wanita adalah tidak stabil.

Pindaan bagi Kanun Keseksaan yang mengkategorikan perbuatan mengintip secara fizikal dan dalam talian sebagai jenayah dalam undang Malaysia telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada Mac 2023. Seksyen baharu telah diwujudkan di bawah pindaan baharu tersebut iaitu Seksyen

507A Kanun Keseksaan. Kesalahan memasang alat penjejak juga turut disertakan sebagai jenayah hendap siber di bawah Seksyen 507A. Pada Ogos 2023, suspek lelaki berusia 37 tahun telah menjadi suspek pertama yang dituduh dibawah seksyen ini. Kebanyakkan kajian berkaitan hendap siber hanya mengambil satu elemen sahaja seperti kaedah mengesan hendap siber, elemen penting lain seperti kesan dan langkah mengatasi hendap siber tidak diberi fokus dalam kalangan pengkaji lepas. Kajian-kajian sedia ada masih tidak dapat memenuhi keperluan untuk dijadikan bahan rujukan kerana masih belum merangkui keseluruhan aspek dalam isu hendap siber.

Pernyataan Masalah

Era pendigitalan dikekang banyak isu dan salah satunya adalah hendap siber yang perlu diselesaikan secepatnya agar pengguna media sosial dapat menikmati manfaat dunia digital. Menurut Mohammad et al, (2020) mendefinisikan hendap siber dalam kajiannya sebagai perbuatan menghendap atas talian melibatkan penggunaan sambungan internet atau alat elektronik lain dengan tujuan mengganggu atau menakut-nakutkan seseorang individu mahupun sesebuah organisasi dan akibat daripada perbuatan hendap siber, boleh merosakkan imej dan kredibiliti seseorang mahupun sesebuah organisasi yang menjadi mangsa sama ada dalam dunia realiti mahupun alam maya. Hendap siber juga dikenalpasti dapat menjelaskan tahap kesihatan mental seseorang individu yang menjadi mangsa sasaran jenayah tersebut. Menurut Tatiana Begotti et al, (2019) melalui kajian yang dibuat mendapati bahawa separuh daripada keseluruhan sampel yang terlibat dalam kajiannya mengalami sekurang-kurangnya satu pengalaman terlibat dengan hendap siber. Separuh daripada sampel yang mempunyai pengalaman menghadapi hendap siber itu didapati menghidap tahap kemurungan yang lebih tinggi berbanding sampel lain yang tidak pernah terlibat dengan hendap siber. Dapatkan ini disokong melalui kajian oleh Michelle F. Wright (2018) dengan dapatan kajiannya menunjukkan bahawa individu yang terjejas akibat terlibat dengan hendap siber menunjukkan tahap kesihatan mental yang amat teruk sehingga mengganggu pembelajaran, pekerjaan, dan aktiviti sosial. Namun dapatan kajian tersebut hanya melibatkan masalah kemurungan walhal kesihatan mental adalah lebih meluas seperti kerisauan melampau (anxiety), dan sikap paranoid.

Meskipun hendap siber telah sekian lama wujud dalam sistem siber di Malaysia, namun rang undang-undang (RUU) Anti Menghendap baru sahaja diluluskan pada bulan awal Mac tahun ini. Rang Undang-undang *Anti-Stalking* juga sekaligus mengkategorikan aktiviti menghendap secara maya juga sebagai jenayah. Ketiadaan undang-undang yang spesifik untuk mengatasi jenayah hendap siber dipengaruhi beberapa faktor. Menurut Chang dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2020 menyatakan bahawa proses untuk menyelesaikan kes hendap siber amat kompleks dipengaruhi faktor-faktor seperti kekurangan kepakaran dan pengetahuan untuk menyiasat, kuasa judisiari, had kuasa berkanun, dan kesukaran untuk mengakses akaun internet suspek. Tegasnya, kegiatan hendap siber merupakan jenayah besar dan berbahaya kerana melibatkan penyalahgunaan dan pemalsuan identiti dan maklumat pengguna terutamanya apabila penghendap siber telah menggodam akaun sasarnya.

Bagi pihak mangsa-mangsa hendap siber, ketiadaan undang-undang khas menyebabkan mereka takut untuk membuat laporan polis kerana tiada jaminan keberkesanan ke atas laporan yang dibuat. Dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2022 oleh Rosli et al, mendapati bahawa ketidakpastian penyelesaian menyumbang kepada majoriti mangsa hendap siber tidak melaporkan kes berkenaan menunjukkan bahawa undang-undang berkaitan hendap siber di

Malaysia amat longgar dan perlu diambil tindakan yang pragmatik bagi mengelakkan jenayah hendap siber berleluasa dan lebih ramai yang menjadi mangsa hendap siber di Malaysia. Pernyataan ini juga disokong melalui kajian oleh Cheryl Terrance et al, (2018) menyatakan bahawa laporan berkenaan hendap siber amat kurang dibuat kerana kekurangan pendedahan dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat. Sekiranya masyarakat sedar dan lebih berpengetahuan mengenai jenayah hendap siber, masyarakat akan lebih berwaspada dan bersedia untuk melakukan tindakan yang sewajarnya apabila berhadapan dengan jenayah itu. Namun begitu, kajian berkenaan hanya melibatkan perasaan takut dan tidak yakin mangsa hendap siber kerana ketiadaan undang-undang spesifik untuk mengatasi hendap siber.

Mutakhir ini, isu berkaitan hendap siber semakin mendapat perhatian masyarakat dan seluruh pengguna media digital telah meluahkan kebimbangan terhadap tahap keselamatan mereka ketika menggunakan media digital sekaligus keselamatan dalam dunia realiti. Reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat ini telah membuktikan betapa jenayah hendap siber ini menjadi suatu bentuk ancaman keselamatan yang seharusnya diberi perhatian khusus. Berdasarkan kajian oleh Kaur et al, (2021) mengemukakan beberapa bentuk kesan yang dialami mangsa hendap siber iaitu; psikologi, fisiologi, dan aktiviti harian. Kajian tahun 2017 oleh Worsley et al, mengenalpasti bahawa terdapat mangsa hendap siber mengambil tindakan drastik seperti meletak jawatan dan mengubah kehidupan harian mereka sepenuhnya. Mangsa buli siber yang terkesan dari segi psikologi akan menjadi murung dan mengasingkan diri dari komuniti atau media sosial kerana perasaan paranoid dan takut akan digangu lagi. Bagi sesetengah mangsa lain pula, menunjukkan penurunan dari segi prestasi kerja mahupun akademik kerana kebimbangan melampau (Wright, 2018). Dalam kajian yang sama oleh Wright (2018), juga mendapati bahawa terdapat signifikasi antara prestasi akademik yang kurang memuaskan dalam kalangan mangsa hendap siber. Walaubagaimanapun, kajian-kajian ini hanya melibatkan kesan akibat kebimbangan terhadap keselamatan dari segi kehidupan harian yang boleh diperluaskan kepada beberapa perkara lain contohnya seperti perubahan sikap dan personaliti

Berdasarkan rujukan kajian-kajian lepas yang telah dibuat, pengkaji mengenalpasti tiga masalah utama yang meibatkan kajian berkenaan hendap siber yang juga melibatkan kesan terhadap kesihatan mental pengguna media sosial. Tiga pernyataan masalah yang medorong pengkaji memilih tajuk ini sebagai kajian adalah kerana hendap siber menjelaskan kesihatan mental pengguna media sosial, ketiadaan undang-undang yang spesifik, dan menyebabkan kebimbangan terhadap tahap keselamatan ketika melayari media sosial. Ketiga-tiga masalah ini perlu diselesaikan dan diambil serius untuk menyediakan suasana alam maya yang sejahtera bagi pengguna media sosial di Malaysia.

Persoalan Kajian

- i. Apakah tren hendap siber?
- ii. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kegiatan hendap siber di media sosial?
- iii. Apakah kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial?

Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti tren hendap siber.
- ii. Mengenalpasti faktor berlakunya hendap siber.
- iii. Mengenalpasti kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial.

Hipotesis Kajian

Berikut merupakan hipotesis yang telah dibina untuk mencapai objektif kajian:

- i. Terdapat hubungan antara hendap siber dengan faktor-faktor berlakunya hendap siber
- ii. Terdapat hubungan antara faktor-faktor berlakunya hendap siber dengan aktiviti hendap siber
- iii. Terdapat hubungan kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial dengan aktiviti hendap siber

Kepentingan Kajian

Kepentingan lain kajian ini adalah supaya dapat menjadi sumbangan sumber rujukan kepada pengkaji masa akan datang kerana kajian ini juga melibatkan kemas kini terbaru kes melibatkan hendap siber. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ini selayaknya dapat membantu penyelidik yang bercadang membuat kajian yang berkaitan dengan persepsi pengguna media sosial dan kesan hendap siber.

Kepentingan kajian ini adalah diharapkan dapat membantu menyediakan data dalam bentuk statistik mengenai tren hendap siber dilakukan bagi mengurangkan kesannya ke atas kesihatan mental pengguna media sosial di Malaysia. Penggubal dasar, agensi penguatkuasaan undang-undang dan komuniti media sosial mendapat manfaat dan dapat bertindak balas sejajar dengan maklumat yang diterima bagi melindungi dan mengekalkan tahap kesihatan mental yang baik pengguna media sosial. Kajian ini juga berkepentingan untuk mengetahui faktor-faktor berlakunya jenayah hendap siber. Melalui kajian ini diharap dapat membantu pengguna media sosial untuk sentiasa peka akan situasi dan dapat mencegah daripada menjerumuskan diri kepada jenayah hendap siber atau menjadi mangsa hendap siber.

Sorotan Literatur

Tren Hendap Siber

Menurut Zaiton Hamin et al, (2018) melalui kajian yang membincangkan mengenai risiko hendap siber dan keberkesanan undang-undang sedia ada untuk menangani jenayah berkenaan. Perkembangan teknologi komunikasi digital menjadikan jumlah pengguna media sosial juga meningkat, membuka risiko yang lebih besar berlakunya jenayah hendap siber dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Biarpun jenayah ini telah lama wujud, namun fokus yang diberikan terhadap permasalahan ini masih belum memuaskan, khususnya di Malaysia terutamanya dari segi peruntukkan undang-undang khas jenayah hendap siber. Hendap siber kebiasaannya bermula apabila seseorang individu mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi dan tidak dikawal dengan baik mengenai seseorang individu atau organisasi yang lain. Perasaan yang tidak dikendalikan dengan baik inilah yang akan mendorong seseorang individu itu untuk menjadi lebih agresif dan hilang kawalan ke atas kewarasan akal rasional seterusnya melanggar etika sebagai pengguna media sosial dan mengganggu privasi dan keselamatan pengguna media sosial lain.

Lorraine Sheridan et al, (2020) dalam kajiannya mengetengahkan isu berkaitan penyebab berlaku percanggahan dalam pembuatan kajian berkaitan hendap siber adalah disebabkan terlalu banyak kriteria untuk mengukur dan menentukan perbuatan hendap siber. Isu hendap siber sukar untuk diatasi kerana banyak halangan dankekangan serta batasan terutamanya dari segi perundangan. Kekurangan dan batasan ini boleh diselesaikan dengan memperluas dan

menambah lagi skop untuk meliputi lebih banyak kriteria-kriteria penting mengenai hendap siber. Menurut Wan Rosalili et al, (2021) undang-undang sedia ada di Malaysia iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 Kanun Keseksaan adalah kurang relevan dan tidak lagi mencapai tahap keberkesanan yang memuaskan untuk menangani jenayah hendap siber. Hal yang demikian membuktikan bahawa undang-undang di Malaysia memerlukan pembaharuan malah undang-undang khas baharu perlu digubal seiring dengan kemajuan teknologi bagi mewujudkan perlindungan dan keadilan ke atas mangsa-mangsa hendap siber.

Jenayah hendap siber kebiasaannya dilakukan oleh individu-individu yang mempunyai kemahiran dan kepakaran menggunakan teknologi internet dan media sosial. Mereka menyalahgunakan kemahiran dan pengetahuan dengan melakukan perkara yang memudaratkan pengguna media sosial secara keseluruhan dan dari segi mental khususnya. Hendap siber bukan sahaja menjelaskan mangsanya malah memberi kesan negatif terhadap pelaku yang terlibat melakukan jenayah hendap siber ini. Kesan dari segi mental bagi pelaku adalah menjadi obsesi terhadap seseorang individu, dan mereka juga mungkin akan mengalami tahap kerisauan melampau kerana bimbang perbuatan jenayah mereka terbongkar kepada pihak berkuasa.

Hendap Siber Di Malaysia

Isu berkenaan hendap siber telah mula mendapat perhatian dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia kerana kebergantungan terhadap media sosial meningkat susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa tahun lalu. Peningkatan dalam jumlah pengguna media sosial sekaligus menambahkan lagi potensi dan membuka ruang bagi penjenayah siber untuk melakukan aktiviti tidak bermoral tersebut.

Wan Rosli et al, (2022) dalam kajiannya menyatakan bahawa kes hendap siber di Malaysia telah banyak dikesan namun, tahap laporan yang dibuat amat rendah dipercayai kerana undang-undang sedia ada yang pasif dan kurang efektif dalam memberi respon terhadap mangsa yang membuat laporan berkenaan hendap siber. Mangsa yang memilih untuk memberi keterangan mengharapkan sekurang-kurangnya perlindungan namun undang-undang sedia ada masih lemah dan tidak dapat untuk menyediakan perlindungan yang diinginkan menyebabkan mangsa hendap siber di luar sana lebih memilih untuk berdiam diri kerana beranggapan tiada perbezaan berlaku walaupun selepas laporan dibuat. Walhal, laporan mangsa hendap siber ini amat penting terutamanya bagi golongan pengkaji dan pihak yang terlibat dalam judisiari sendiri untuk menilai keperluan untuk menggubal dan mewujudkan undang-undang baharu yang lebih kukuh dan mampan bagi melindungi sekaligus menuntut keadilan untuk mangsa hendap siber.

Terdapat kemaskini terbaru berkenaan kes berkaitan hendap siber iaitu pada 9 Ogos 2023, suspek pertama yang dituduh di bawah seksyen ini telah mula dibicarakan. Difahamkan melalui laporan daripada pelbagai media berita bahawa pada 20 Disember 2023 pula, mahkamah telah menolak pengakuan bersalah oleh suspek menyebabkan perbicaraan kes akan dimulakan pada 17 Januari tahun 2024. Mahkamah menolak pengakuan berkenaan kerana tidak mahu tertuduh boleh menggunakan alasan ketidakwarasan sebagai pembelaan.

Faktor Berlaku Hendap Siber

Hendap siber merupakan suatu bentuk jenayah atas talian yang kurang diketahui umum malah ramai dalam kalangan pengguna media sosial melakukannya tanpa tahu bahawa perbuatan tersebut merupakan jenayah serta memberi kesan negatif kepada mangsa bahkan kepada pelaku

itu sendiri. Faktor bagi hendap siber terbahagi kepada dua kategori iaitu punca bagi pelaku hendap siber dan punca mangsa hendap siber. Erica et al, (2019) dalam kajiannya melaporkan bahawa hubungan antara pelaku dengan jenayah hendap siber memainkan peranan penting berkaitan berlakunya hendap siber. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa mangsa hendap siber yang diganggu oleh individu tidak dikenali kurang mendapat kesan negatif berbanding apabila hendap siber dilakukan oleh kenalan rapat seperti bekas pasangan.

Faktor lain yang turut diperoleh dalam kajian ini adalah, jantina mangsa juga merupakan faktor signifikan dalam hendap siber, iaitu, mangsa lelaki dengan pelaku perempuan kebiasaannya berlaku dalam kalangan pelajar sekolah manakala situasi di mana mangsa perempuan yang diganggu lelaki kebiasaannya berlaku dalam kalangan golongan bekerja dan memberi impak dari segi kemahiran sosial. Hendap siber juga boleh dikesan melalui tiga perkara penting iaitu maklumat demografi, latar belakang seseorang dan potensi-potensi yang ada. Pernyataan ini disokong dalam kajian oleh Bitna Kim, 2023 yang menyatakan bahawa terdapat tiga bentuk yang boleh digunakan untuk mengukur faktor-faktor hendap siber berlaku iaitu melalui sosiodemografi, latar belakang, dan risiko.

Menurut Chanelle Wilson (2023) juga menyokong dan menambah faktor lain yang berkaitan melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor paling umum yang dikenalpasti mendorong kepada pelaku hendap siber ialah kegagalan mengawal keinginan diri, mempunyai pengalaman lampau dikesari, dan ciri personaliti yang mempunyai kaitan antara satu responden dengan yang lain. Faktor yang dikenalpasti bagi mangsa hendap siber terlibat pula adalah kebanyakannya kerana terlalu terbuka dalam talian, berkongsi secara berlebihan, dan kurang perhatian terhadap risiko. Hendap siber telah lama diklasifikasikan sebagai jenayah dari segi undang-undang, walaubagaimanapun, kerana kesukaran untuk membuktikan jenayah siber dalam perbicaraan mahkamah menjadikan tidak banyak kes berkaitan hendap siber diperoleh untuk dijadikan rujukan dan sokongan bagi kes-kes hendap siber pada masa akan datang. Kajian oleh Ivan et al, (2019) menyatakan bahawa struktur undang-undang khas yang kukuh berkaitan hendap siber amat diperlukan bagi mengatasi tersebut dengan lebih berkesan. Memperuntukkan undang-undang baharu yang khas berkenaan jenayah hendap siber merupakan salah satu jalan penyelesaian paling berkesan untuk mengatasi jenayah berkenaan.

Undang-undang baharu yang bertindak sebagai perlindungan terhadap mangsa yang terlibat dan dapat dengan berkesan membuktikan penjenayah bersalah sekaligus menjatuhkan hukuman yang sepatutnya merupakan jalan penyelesaian yang paling kukuh untuk mengatasi jenayah ini sebelum menjadi lebih teruk lagi. Kara Powell (2018) melalui kajiannya mendapati bahawa undang-undang sedia ada tidak cukup untuk menyelesaikan kes hendap siber dalam perbicaraan mahkamah.


Jelasnya, dua undang-undang sedia ada di Amerika Syarikat iaitu Seksyen 2261A(2) dan Seksyen 875(c), untuk mengaplikasikan Seksyen 2261A(2) perlu membuktikan tertuduh mempunyai niat yang kuat terhadap jenayah menjadikan ianya amat sukar untuk disokong manakala Seksyen 875(c) hanya merangkumi skop yang amat terpencil iaitu jika melibatkan ugutan penculikan atau kekasaran fizikal.

Kesan Hendap Siber Terhadap Kesihatan Mental Pengguna Media Sosial

Jenayah hendap siber merupakan ancaman besar terhadap pengguna teknologi komunikasi terutamanya dalam kalangan pengguna media sosial. Mangsa yang pernah terlibat dengan hendap siber terpaksa menanggung impak negatif diakibatkan oleh sikap tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri individu lain. Hendap siber mengganggu kesejahteraan mental menyebabkan rutin harian juga turut terjejas seperti pekerjaan, pembelajaran, malah dalam sesetengah kes, membantutkan proses pertumbuhan terutamanya dari segi mental seseorang. Gangguan kesihatan mental terhadap pengguna media sosial juga merangkumi dari segi emosi, kehidupan sosial, dan kredibiliti individu. Bradford et al, (2019) dalam kajiannya menjelaskan bahawa hendap siber berpotensi menjelaskan mangsa yang terlibat secara keseluruhan iaitu secara emosi, mental, kerjaya, kewangan malah kesihatan fizikal akan turut terjejas. Rutin harian di tempat kerja, sekolah, universiti, serta kehidupan sosial hingga menjelaskan kesihatan fizikal. Impak dari segi emosi adalah yang paling ketara kerana mangsa sentiasa akan dibayangi rasa takut, dan kebimbangan melampau hingga menimbulkan niat untuk mengakhiri hidup sendiri. Keseluruhan kajian yang telah dibuat ini amat menekankan betapa hendap siber merupakan ancaman besar dalam media sosial kerana mangsa dan pelaku boleh terdiri daripada sesiapa sahaja menjadikan usaha mengekang jenayah ini semakin sukar dan perlu diberikan perhatian khusus dalam masa terdekat.

Kerangka Konseptual

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkenaan dengan hendap siber, kebanyakkan pengkaji menyimpulkan bahawa jenayah hendap siber berlaku melalui beberapa faktor yang kemudiannya mempunyai tren melibatkan proses terjadinya perbuatan hendap siber yang akan mengakibatkan kesan kepada pengguna media sosial. Kerangka konseptual yang dibina adalah berdasarkan dapatan hasil kajian pengkaji melalui rujukan daripada dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Gambar rajah kerangka konseptual adalah berdasarkan penerangan secara jelas dalam perbincangan.



Rajah 2: Kerangka Konseptual

Pendekatan Kajian

Williams (2011) mendefinisikan secara ringkas metodologi kajian sebagai sebuah proses yang melibatkan langkah-langkah sistematik yang diaplikasikan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian penyelidikan. Proses ini juga melibatkan penggunaan pelbagai teknik dan pendekatan untuk menganalisis dan mengukur pembolehubah untuk mendapatkan hasil yang boleh mencapai objektif kajian. Kajian yang akan dijalankan ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif. Menurut Zen Shah (2013), kajian kuantitatif merupakan suatu kajian yang secara umumnya menggunakan kaedah statistik, dan bersifat objektif dan berteraskan hasil. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Tujuan utama kaedah kuantitatif ini digunakan adalah untuk mengevaluasi kesahihan ramalan teori dan memerhati sama ada ia kekal konsisten atau tidak. Penyelidikan kuantitatif merupakan jenis penyelidikan yang memfokuskan kepada penggunaan analisis statistik untuk membahagikan data dan menggunakan pelbagai teknik seperti statistik inferensi, ujian hipotesis, penerangan matematik, reka bentuk kajian, dan kuasi kajian, rawak, panduan berstruktur, dan soal selidik dengan pilihan terhad untuk respon yang telah ditetapkan (Adedoyin, 2020).

Reka Bentuk Kajian

Menurut Sabitha (2006), reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Reka bentuk kajian penting untuk menjalankan sesebuah kajian sebagai garis panduan untuk mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian yang telah dirangka. Kajian yang dijalankan ini adalah berkenaan dengan kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial.

Kajian kuantitatif bagi kajian yang dijalankan ini melibatkan proses merangka soalan dan mengagihkan borang soal selidik. Data yang dikumpulkan berdasarkan jawapan responden kemudiannya akan dianalisis menggunakan SPSS versi 26. Analisis deskriptif dan inferensi akan digunakan untuk menganalisis data terkumpul. Menurut Husserl (2012), penyelidikan deskriptif berfungsi untuk menerangkan secara berfokus dan tersusun mengenai populasi, situasi, serta fenomena dalam sesuatu kajian. Manakala penyelidikan inferensi adalah untuk menguji dan membuktikan perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan ini. Menurut Cherry (2015), kaedah inferensi merujuk kepada andaian umum yang akan dibuat berdasarkan data-data yang diperoleh secara empirikal.

Ujian korelasi oleh Pearson (1895) sesuai digunakan untuk menguji hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Ujian ini dijalankan untuk menentukan sama ada perkaitan bagi suatu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain kuat atau lemah dan juga positif atau negatif.

Populasi Dan Persampelan

Menurut Syed Arabi Idid (1992), persampelan merujuk kepada suatu usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul data dan maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi. Kaedah ini boleh digunakan bagi penyelidikan sains tulen mahupun sains sosial (Sent, 2010). Data yang diambil daripada sampel kemudiannya akan dibuat kesimpulan bagi suatu populasi yang terlibat sebagai bahagian daripada proses pentadbiran statistik. Sampel bagi kajian ini terdiri dalam kalangan masyarakat di Perlis.

Persampelan rawak terbahagi kepada dua iaitu persampelan rawak mudah dan persampelan sistematik. Pengkaji memilih untuk mengaplikasikan persampelan rawak yang bermaksud setiap individu dalam populasi berpotensi untuk terpilih untuk memberikan respon secara sukarela. Persampelan rawak mudah dipilih untuk kajian yang akan dijalankan ini bagi tujuan melindungi maklumat peribadi dan privasi responden memandangkan soalan yang diajukan dalam borang soal selidik adalah agak sensitif mengikut cara pemikiran dan pendapat masing-masing. Seramai 129 orang sampel penduduk Perlis dipilih daripada populasi yang terdiri daripada 234319 orang penduduk di Perlis. Teknik persampelan ini adalah hasil cadangan perisian G*Power (2009) yang menentukan saiz sampel bersesuaian daripada jumlah keseluruhan populasi bagi suatu kajian. G*Power mudah digunakan untuk mengira saiz sampel kerana perisian ini dilengkapi dengan pelbagai rumus statistik seperti (F , t , χ^2 , dan Z) serta pengiraan yang dibuat adalah tepat. (Kang, 2021). Nilai pekali *Reliability Cronbach's Alpha* telah digunakan dalam menentukan kepercayaan soal selidik yang digunakan ini serta bertujuan untuk menganalisis data yang diperoleh daripada kajian pra uji yang dijalankan. Berdasarkan G*Power, nilai pekali *Reliability Cronbach's Alpha* adalah 0.05.

Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dimulakan dengan proses penentuan dan pemilihan tajuk kajian melalui perbincangan antara penyelia dan pengkaji berkenaan dengan kajian yang dilaksanakan. Pengkaji menyediakan rangka kerja sebagai panduan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Sebelum melaksanakan kajian, pengkaji terlebih dahulu meminta persetujuan dan kebenaran penyelia. Apabila penyelia memberi kebenaran dan persetujuan, barulah pengkaji boleh merangka soalan-soalan bagi borang soal selidik untuk diagihkan kepada sampel kajian ini. Soalan-soalan yang diletakkan dalam borang soal selidik dirangka melalui perbincangan dengan penyelia dan diolah mengikut kesesuaian tajuk daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Borang soal selidik ini kemudiannya akan diedarkan secara rawak kepada responden secara atas talian. Pautan ke *google form* akan diagihkan melalui media sosial. Bagi memudahkan pemahaman dan proses menjawab responden, pengkaji akan memberi penerangan awal berkenaan dengan soal selidik secara umum. Responden perlu mengisi semua bahagian dalam borang soal selidik menerusi pautan dalam talian. Proses menjawab soal selidik kebiasaannya dalam tempoh tiga minggu. Proses menganalisis data berdasarkan data-data terkumpul akan dibuat. Proses ini melibatkan penggunaan perisian statistik SPSS yang bertindak sebagai alat untuk menganalisis data yang berbentuk nombor.

Penganalisisan Data

Data yang diperoleh adalah berdasarkan soal selidik yang diagihkan. Data-data tersebut kemudiannya akan dianalisis bagi memastikan jawapan responden menepati persoalan kajian yang dinyatakan dalam borang soal selidik. Analisis deskriptif akan digunakan bertujuan untuk meringkaskan data secara berkesan. Proses analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data dan maklumat daripada bahagian A manakala data-data dalam bahagian-bahagian lain seperti bahagian B, C, D, dan E akan dianalisis menggunakan ujian inferensi korelasi untuk mengkaji kaitan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat. Perisian statistik SPSS (Statistical Package for Social Sciences) digunakan untuk memudahkan proses analisis semua data yang diperoleh. Hasil analisis ini kemudiannya dibentangkan dalam bentuk jadual kekerapan dan peratusan, memberikan gambaran yang jelas dan teratur bagi maklumat yang dikumpul.

Demografi Responden

Taburan kekerapan yang dipaparkan dalam Jadual 8 menunjukkan hasil taburan daripada 130 orang responden yang terlibat menjawab soal selidik ini. Bagi soalan umur ini pengkaji mengategorikan 2 tahap umur iaitu umur belia melibatkan responden berusia daripada 19 tahun sehingga 39 tahun manakala usia dewasa bagi responden berumur 40 tahun sehingga 56 tahun. Seramai 96 orang respon merupakan kategori usia belia manakala baki 34 orang responden dalam kategori usia dewasa. Kiraan dalam bentuk peratusan mendapati responden dalam kategori usia belia adalah sebanyak 73.9% manakala baki sebanyak 26.1% terdiri daripada responden dalam kategori usia dewasa. Seterusnya, analisis berkenaan jantina responden yang mengambil bahagian menjawab borang soal selidik ini. Jadual 9 menunjukkan taburan jantina bagi 130 orang responden yang terlibat. Responden perempuan adalah seramai 67 orang bersamaan dengan 51.5% manakala baki 63 orang responden iaitu 48.5% adalah terdiri daripada lelaki. Bahagian demografi dalam borang soal selidik ini juga merekodkan tahap pendidikan responden yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 4 tahap pendidikan iaitu SPM seramai 15 orang responden bersamaan 11.5% dengan tahap pendidikan SPM, manakala seramai 22 orang responden iaitu sebanyak 16.9% responden mempunyai tahap pendidikan Sijil/STPM. Seterusnya seramai 35 orang responden dengan tahap pendidikan Diploma iaitu setara dengan 26.9% dan 58 orang responden (44.7%) terdiri daripada responden tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda. Sebanyak 4 pekerjaan terlibat dalam bahagian ini iaitu pelajar, bekerja sendiri, sektor kerajaan, dan sektor swasta. Taburan kekerapan berdasarkan pengumpulan semula borang soal selidik mendapati bahawa responden yang merupakan pelajar dan bekerja sendiri masing-masing seramai 31 orang responden iaitu (23.8%) telah terlibat menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Manakala seramai 43 orang responden bersamaan dengan 33.2% adalah terdiri daripada responden yang bekerja dalam sektor kerajaan. Baki 25 orang responden iaitu 19.2% merupakan responden yang bekerja dalam sektor swasta.

Tren Hendap Siber

Jadual 1: Min dan sisihan piawai item tren hendap siber

Item	Min	Sisihan Piawai
1) Saya pernah mengetahui istilah hendap siber.	3.88	0.788
2) Saya pernah mengenali pihak yang terlibat dengan hendap siber.	3.07	1.136
3) Saya yakin akan keselamatan privasi dilindungi ketika menggunakan media sosial.	3.15	0.864
4) Saya berpendapat bahawa perkembangan teknologi terkini juga mempengaruhi tahap keselamatan siber.	4.34	0.640
5) Saya percaya bahawa undang-undang dan peraturan siber sedia ada sudah memadai untuk melindungi pengguna media sosial.	3.15	0.881
6) Saya berpendapat bahawa kerajaan, dan individu berperanan penting dalam memastikan keselamatan siber masing-masing.	4.28	0.574
7) Saya bersedia mengambil langkah-langkah tambahan untuk melindungi keselamatan diri ketika menggunakan media sosial.	4.24	0.525

Jadual 1 menunjukkan taburan responden yang menjawab soalan kajian berkaitan tren hendap siber. Item yang pertama adalah, saya pernah mengetahui istilah hendap siber. Min bagi item ini adalah sebanyak 3.8 dengan sisihan piawai 0.788. Diikuti item kedua iaitu saya pernah mengenali pihak yang terlibat dengan hendap siber iaitu dengan min dan sisihan piawainya masing-masing 3.07 dan 1.136. Item ketiga iaitu saya yakin akan keselamatan privasi dilindungi ketika menggunakan media sosial dengan min 3.15 dan sisihan piawai 0.864. Seterusnya, item keempat iaitu saya berpendapat bahawa perkembangan teknologi terkini juga mempengaruhi tahap keselamatan siber dengan min 4.34 dan sisihan piawai 0.640. Item kelima iaitu saya percaya bahawa undang-undang dan peraturan siber sedia ada sudah memadai untuk melindungi pengguna media sosial dengan min 3.15 dan sisihan piawai 0.881. Item 6, ‘saya berpendapat bahawa kerajaan, dan individu berperanan penting dalam memastikan keselamatan siber masing-masing dengan min 4.28 dan sisihan piawai 0.574. Item terakhir iaitu item 7 ‘saya bersedia mengambil langkah-langkah tambahan untuk melindungi keselamatan diri ketika menggunakan media sosial’ dengan min 4.24 dan sisihan piawai 0.525.

Faktor Berlakunya Hendap Siber

Jadual 2: Min dan sisihan piawai item faktor berlaku hendap siber

Item	Min	Sisihan Piawai
1) Saya tahu akan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang terlibat dalam hendap siber.	3.61	0.831
2) Saya sedar bahawa perbuatan mendedahkan maklumat peribadi dalam akaun media sosial mengundang kepada jenayah hendap siber.	4.18	0.603
3) Saya sedar bahawa semakin kerap saya menggunakan media sosial tanpa mengambil langkah berjaga-jaga, saya berisiko menjadi mangsa hendap siber.	4.15	0.563
4) Saya sedar bahawa pemahaman teknikal yang baik dapat melindungi diri saya daripada menjadi mangsa hendap siber.	4.18	0.563
5) Saya faham bahawa sikap kewaspadaan penting untuk melindungi keselamatan diri ketika menggunakan media sosial.	4.23	0.521
6) Saya sedar bahawa maklumat peribadi tidak sepatutnya dikongsi secara terang-terangan dalam media sosial (lokasi semasa, alamat rumah, nombor kad pengenalan, dan sebagainya).	4.52	0.587
7) Saya merasakan bahawa undang-undang yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi membanteras jenayah hendap siber.	4.25	0.614

Jadual 2 menunjukkan taburan responden yang menjawab soal selidik berkaitan faktor berlakunya hendap siber. Item pertama iaitu ‘saya tahu akan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang terlibat dalam hendap siber’ dengan min 3.61 dan sisihan piawai 0.831. Item kedua ‘saya sedar bahawa perbuatan mendedahkan maklumat peribadi dalam akaun media sosial mengundang kepada jenayah hendap siber’ menunjukkan min 4.18 dan sisihan piawai 0.603. Seterusnya, item ketiga iaitu ‘saya sedar bahawa semakin kerap saya menggunakan media sosial tanpa mengambil langkah berjaga-jaga, saya berisiko menjadi mangsa hendap siber’ dengan min 4.15 dan sisihan piawai 0.563. Item keempat pula iaitu ‘saya sedar bahawa pemahaman teknikal yang baik dapat melindungi diri saya daripada menjadi mangsa hendap siber’ dengan min 4.18 dan sisihan piawai 0.563. Item kelima iaitu ‘saya faham bahawa sikap kewaspadaan penting untuk melindungi keselamatan diri ketika menggunakan media sosial’ dengan min 4.23 dan sisihan piawai 0.521. Item keenam iaitu ‘saya sedar bahawa maklumat peribadi tidak sepatutnya dikongsi secara terang-terangan dalam media sosial (lokasi semasa, alamat rumah, nombor kad pengenalan, dan sebagainya)’ dengan min 4.52 dan sisihan piawai 0.587. Item ketujuh iaitu ‘saya merasakan bahawa undang-undang yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi membanteras jenayah hendap siber’ dengan min 4.25 dan sisihan piawai 0.614.

siber' dengan min dan sisihan piawai masing-masing 4.18 dan 0.563. Manakala item kelima iaitu 'saya faham bahawa sikap kewaspadaan penting untuk melindungi keselamatan diri ketika menggunakan media sosial' dengan min 4.23 dan sisihan piawai 0.521. Item keenam, 'saya sedar bahawa maklumat peribadi tidak sepatutnya dikongsi secara terang-terangan dalam media sosial (lokasi semasa, alamat rumah, nombor kad pengenalan, dan sebagainya)' dengan 4.52 dan sisihan piawai 0.587 dan item terakhir, 'saya merasakan bahawa undang-undang yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi membanteras jenayah hendap siber dengan min 4.25 dan sisihan piawai 0.614.

Kesan Hendap Siber Terhadap Kesihatan Mental Pengguna Media Sosial

Jadual 3: Min dan sisihan piawai item kesan hendap siber

Item	Min	Sisihan Piawai
1) Saya tahu hendap siber mampu menjelaskan kesihatan mental pengguna media sosial.	3.95	0.708
2) Saya pernah mengalami kebimbangan (anxiety), stres, atau tekanan emosi yang disebabkan oleh hendap siber.	3.19	0.881
3) Saya sentiasa mengambil tahu perkembangan terkini berkaitan isu melibatkan hendap siber.	4.03	0.527
4) Saya bersikap paranoid ketika menggunakan media sosial kerana bimbang menjadi mangsa hendap siber.	3.35	0.860
5) Saya mengambil inisiatif dengan memuat turun aplikasi yang dapat melindungi maklumat peribadi daripada diretas.	4.02	0.726
6) Saya akan menyelidik tentang kesahihan suatu organisasi sebelum melayari apa-apa pautan dalam media sosial.	4.16	0.479
7) Saya tidak akan melayari pautan daripada individu tidak dikenali.	4.23	0.506
8) Saya amat berhati-hati ketika memuat naik sebarang bentuk kandungan dalam akaun media sosial.	4.45	0.585

Item pertama dalam Jadual 3 iaitu 'saya tahu hendap siber mampu menjelaskan kesihatan mental pengguna media sosial' dengan min 3.95 dan sisihan piawai 0.708. Item kedua, 'saya pernah mengalami kebimbangan (anxiety), stres, atau tekanan emosi yang disebabkan oleh hendap siber' dengan min 3.19 dan sisihan piawai 0.88. Seterusnya item ketiga iaitu 'saya sentiasa mengambil tahu perkembangan terkini berkaitan isu melibatkan hendap siber' dengan min 4.03 dan sisihan piawai 0.527. Manakala item keempat, 'saya bersikap paranoid ketika menggunakan media sosial kerana bimbang menjadi mangsa hendap siber' dengan min dan sisihan piawai masing-masing 3.35 dan 0.860. Item kelima, 'saya mengambil inisiatif dengan memuat turun aplikasi yang dapat melindungi maklumat peribadi daripada diretas' dengan min 4.02 dan 0.726. Item keenam iaitu, 'saya menyelidik tentang kesahihan suatu organisasi sebelum melayari apa-apa pautan dalam media sosial' dengan min 4.16 dan sisihan piawai 0.479. Item ketujuh 'saya tidak akan melayari pautan daripada individu tidak dikenali' dengan min dan sisihan piawai masing-masing 4.23 dan 0.506. Item kelapan iaitu item terakhir bagi bahagian ini, 'saya amat berhati-hati ketika memuat naik sebarang bentuk kandungan dalam akaun media sosial' dengan min 4.45 dan sisihan piawai 0.585.

Aktiviti Hendap Siber

Jadual 4: Min dan sisihan piawai item Aktiviti Hendap Siber

Item	Min	Sisihan Piawai
1) Saya pernah terlibat dalam hendap siber.	2.65	1.083
2) Saya tahu bahawa sebarang perbuatan melibatkan penggunaan teknologi internet yang menimbulkan perasaan bimbang akan keselamatannya kepada seseorang individu dikategorikan sebagai hendap siber.	4.05	0.575
3) Saya tahu bahawa jenayah hendap siber boleh menjurus kepada bentuk keganasan.	4.05	0.645
4) Saya tahu bahawa hendap siber sudah dikategorikan sebagai jenayah di Malaysia (Seksyen 507A Kanun Keseksaan).	3.59	0.860
5) Saya menerima dengan senang hati undang-undang khas baharu yang diperuntukkan bagi hendap siber.	4.38	0.547
6) Saya yakin jenayah hendap siber dapat dibendung dengan adanya undang-undang khas yang diperuntukkan ini.	4.02	0.535
7) Saya yakin undang-undang ini dapat memberi keadilan kepada mangsa-mangsa hendap siber.	3.96	0.576
8) Saya rasa lebih yakin akan tahap keselamatan ketika menggunakan media sosial dengan adanya undang-undang baharu ini.	4.04	0.504
9) Saya tahu pihak mana yang boleh dihubungi untuk membuat sebarang aduan mengenai jenayah hendap siber.	3.92	0.671
10) Saya bersedia memberi maklumat kepada pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya saya mendapati berlakunya hendap siber dalam mana-mana platform yang melibatkan individu mahupun organisasi.	4.42	0.568

Jadual 4 menunjukkan Item pertama iaitu ‘saya pernah terlibat dengan hendap siber’ menunjukkan bacaan min 2.65 dan sisihan piawai 1.083. Item kedua iaitu, ‘saya tahu bahawa sebarang perbuatan melibatkan penggunaan teknologi internet yang menimbulkan perasaan bimbang akan keselamatannya kepada seseorang individu dikategorikan sebagai hendap siber’, dengan min dan sisihan piawai masing-masing 4.05 dan 0.575. Item ketiga iaitu, ‘saya tahu bahawa jenayah hendap siber boleh menjurus kepada bentuk keganasan’ dengan bacaan min 4.05 dan sisihan piawai 0.645. Item keempat, ‘saya tahu bahawa hendap siber sudah dikategorikan sebagai jenayah di Malaysia (Seksyen 507A Kanun Keseksaan)’ dengan bacaan min dan sisihan piawai masing- masing 3.59 dan 0.860. Seterusnya item kelima iaitu ‘saya menerima dengan senang hati undang-undang khas baharu yang diperuntukkan bagi hendap siber’, bacaan min 4.38 dan sisihan piawai 0.547.

Item keenam, ‘saya yakin jenayah hendap siber dapat dibendung dengan adanya undang-undang khas yang diperuntukkan ini’, dengan bacaan min dan sisihan piawai masing-masing 3.96 dan 0.576. Diteruskan lagi dengan item kelapan iaitu, ‘saya rasa lebih yakin akan tahap keselamatan ketika menggunakan media sosial dengan adanya undang-undang baharu ini’ dengan min 4.04 dan sisihan piawai 0.504. Item kesembilan pula iaitu, ‘saya tahu pihak mana yang boleh dihubungi untuk membuat sebarang aduan mengenai jenayah hendap siber’, dengan bacaan min dan sisihan piawai masing-masing 3.92 dan 0.671. Item kesepuluh dan item

terakhir, ‘saya bersedia memberi maklumat kepada pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya saya mendapati berlakunya hendap siber dalam mana-mana platform yang melibatkan individu mahupun organisasi’, menunjukkan bacaan min 4.42 dan sisihan piawai 0.568.

Analisis Inferensi

Korelasi Pearson

Hubungan Tren Hendap Siber dengan Aktiviti Hendap Siber

Berdasarkan jadual 5 seperti di bawah, pengkaji mendapat kekuatan hubungan signifikan antara tren hendap siber dengan aktiviti hendap siber adalah bersamaan $r=.163$ menunjukkan hubungan yang amat lemah antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana nilai $p=.064$ adalah lebih besar dengan 0.05, maka hipotesis diterima. Ini membuktikan wujud hubungan signifikan antara tren hendap siber dengan aktiviti hendap siber. Hal yang demikian berkemungkinan kerana responden mungkin banyak tidak bersetuju dengan item-item pada bahagian tren hendap siber namun sebaliknya pada item-item aktiviti hendap siber.

Jadual 5: Ujian korelasi tren hendap siber dengan aktiviti hendap siber

	Korelasi	TREN	AKTIVITI
TREN	Pearson Correlation	1	.163
	Sig. (2-tailed)		.064
	N	130	130
AKTIVITI	Pearson Correlation	.163	1
	Sig. (2-tailed)	.064	
	N	130	130

*Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Hubungan Faktor Berlaku Hendap Siber dengan Aktiviti Hendap Siber

Berdasarkan jadual 6 seperti di bawah, pengkaji dapat mengenal pasti kekuatan hubungan antara pembolehubah faktor berlakunya hendap siber dengan aktiviti hendap siber bersamaan $r=.569$ di mana ia merupakan hubungan yang sederhana kuat antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana nilai $p=.000$ lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor berlakunya hendap siber dengan aktiviti hendap siber. Hal yang demikian mungkin disebabkan oleh kebanyakan responden menyetujui item-item bagi kedua-dua bahagian faktor berlaku hendap siber dan aktiviti hendap siber.

Jadual 6: Ujian korelasi faktor berlaku hendap siber dengan aktiviti hendap siber

	Korelasi	FAKTOR	AKTIVITI
FAKTOR	Pearson Correlation	1	.569**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	130	130
AKTIVITI	Pearson Correlation	.569**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	130	130

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hubungan Kesan Hendap Siber Terhadap Kesihatan Mental Pengguna Media Sosial dengan Aktiviti Hendap Siber

Berdasarkan jadual 7 seperti di bawah, pengkaji dapat mengenal pasti kekuatan hubungan antara pembolehubah kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna media sosial dengan aktiviti hendap siber bersamaan $r=.622$ di mana ia merupakan hubungan yang kuat antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana nilai $p=.000$ lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor berlakunya hendap siber dengan aktiviti hendap siber. Hubungan signifikan ini wujud disebabkan kebanyakkan responden amat menyetujui item-item dalam bahagian kesan hendap siber terhadap kesihatan mental dengan aktiviti hendap siber.

Jadual 7: Ujian korelasi kesan hendap siber dengan aktiviti hendap siber

	Korelasi	KESAN	AKTIVITI
FAKTOR	Pearson Correlation	1	.622**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	130	130
KESAN	Pearson Correlation	.622**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	130	130

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Kesimpulan

Melalui kajian ini, masyarakat terutamanya pengguna media sosial, ahli akademik, pengamal undang- undang dan kerajaan dapat mengambil berat dan memandang serius jenayah hendap siber sebelum isu ini semakin melarat. Hal ini bagi memastikan tahap keselamatan dan kesejahteraan pengguna media sosial pada masa akan datang dapat dipertingkatkan. Sekiranya Malaysia dapat muncul sebagai negara bebas kes jenayah hendap siber, perkara bukan sahaja dapat menjadikan Malaysia negara ikon dan contoh ikutan untuk negara-negara lain, malah dapat membolehkan lagi Malaysia menempa nama baik di seantero dunia. Kajian ini diharap dapat membantu dan boleh dijadikan rujukan berkenaan tren hendap siber, faktor berlakunya hendap siber, kesan hendap siber terhadap kesihatan mental pengguna, dan aktiviti hendap siber.

Rujukan

- Abu-Ulbeh, W., Altalhi, M., Abualigah, L., Almazroi, A. A., Sumari, P., & Gandomi, H. (2021). Cyberstalking victimization model using criminological theory: systematic literature review, taxonomies, applications, tools, and validations. *Electronics*, 10(14), 1670.
- Acquadro Maran, D., & Begotti, T. (2019). Prevalence of cyberstalking and previous offline victimization in a sample of Italian university students. *Social Sciences*, 8(1), 30.
- Adedoyin, O. (2020). Quantitative Research Method
- Ahlgrim, B., & Terrance, C. (2021). Perceptions of cyberstalking: Impact of perpetrator gender and cyberstalker/victim relationship. *Journal of interpersonal violence*, 36(7-8), NP4074-NP4093.
- Al-Rahmi, W. M., Yahaya, N., Alamri, M. M., Aljarboa, N. A., Kamin, Y. B., & Saud, M. S. B. (2019). How cyber stalking and cyber bullying affect students' open learning. *Ieee Access*, 7, 20199-20210.
- Al-Rahmi, W. M., Yahaya, N., Alturki, U., Alrobai, A., Aldraiweesh, A. A., Omar Alsayed, A., & Kamin, Y. B. (2022). Social media-based collaborative learning: The effect on learning success with the moderating role of cyberstalking and cyberbullying. *Interactive Learning Environments*, 30(8), 1434-1447.
- Aichner, T., Grünfelder, M., Maurer, O., & Jegeni, D. (2021). Twenty-five years of social media: a review of social media applications and definitions from 1994 to 2019. *Cyberpsychology, behavior, and social networking*, 24(4), 215-222.
- Awang, S. C., & Alavi, K. (2020). Buli siber: impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-9.
- Bashah, M. A., & Zulkifli, H. (2023). Kajian systematic literature review (SLR) tentang faktor mempengaruhi kesedaran dan cara mengatasi isu etika digital (2018-2022)[A systematic literature review (SLR) on factors affecting awareness and ways to overcome digital ethics issues (2018-2022)]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 3(2), 16-36.
- Begotti, T., & Acquadro Maran, D. (2019). Characteristics of cyberstalking behavior, consequences, and coping strategies: A cross-sectional study in a sample of Italian university students. *Future Internet*, 11(5), 120.
- Begotti, T., Bollo, M., & Acquadro Maran, D. (2020). Coping strategies and anxiety and depressive symptoms in young adult victims of cyberstalking: A questionnaire survey in an Italian sample. *Future Internet*, 12(8), 136.
- Chahal, R., Kumar, L., Jindal, S., & Rawat, P. (2019). Cyber stalking: Technological form of sexual harassment. *Int. J. Emerg. Technol.*, 10, 367-373.
- Chang, W. J. (2020). Cyberstalking and law enforcement. *Procedia Computer Science*, 176, 1188-1194.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.
- Finkelhor, D., Turner, H., & Colburn, D. (2023). Which dynamics make online child sexual abuse and cyberstalking more emotionally impactful: perpetrator identity and images?. *Child Abuse & Neglect*, 137, 106020.
- Fissel, E. R., & Reyns, B. W. (2020). The aftermath of cyberstalking: School, work, social, and health costs of victimization. *American Journal of Criminal Justice*, 45(1), 70-87.
- Fuad, N. S. M., Daud, M., & Yusof, A. R. M. (2022). Memahami jenayah siber dan keselamatan siber di Malaysia: Suatu pemerhatian terhadap pandangan sarjana dan intelektual: Understanding cybercrime and cybersecurity in Malaysia: An observation from the

perspective of scholars and intellectuals. *Asian journal of environment, history and heritage*, 6(1).

Fusar-Poli, P., de Pablo, G. S., De Micheli, A., Nieman, D. H., Correll, C. U., Kessing, L. V., ... & van Amelsvoort, T. (2020). What is good mental health? A scoping review.

European Neuropsychopharmacology, 31, 33-46.

Hamin, Z., & Rosli, W. R. W. (2018). "Every Breath You Take I'll be Watching You": Governing Cyberstalking in Malaysia. In *Proceedings of the International Law Conference* (pp. 315-320).

Hamin, Z., & Rosli, W. R. W. (2018). Cloaked by cyberspace: A legal response to the risks of cyber stalking in Malaysia. *International Journal of Cyber Criminology*, 12(1), 316-332.

Hamin, Z., & Rosli, W. R. W. (2020). Whither the Protection for Cyberstalking Victims? Some evidence from Malaysia. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(SI1), 53-58.

Kalaitzaki, A. (2020). Cyberstalking victimization and perpetration among young adults: Prevalence and correlates. In *Recent Advances in Digital Media Impacts on Identity, Sexuality, and Relationships* (pp. 22-38). IGI Global.

Kim, B. (2023). A multilevel meta-analysis of cyberstalking: Domains (and subdomains) of contributing factors. *Journal of Criminal Justice*, 87, 102084.

Lapshin, I. Y., & Klimakov, A. V. (2019, July). Cyberbullying and Cyberstalking as a Moral and Legal Concept. In *4th International Conference on Contemporary Education, Social Sciences and Humanities (ICCESSH 2019)* (pp. 1857-1861). Atlantis Press.

Marcum, C. D., Higgins, G. E., & Nicholson, J. (2017). I'm watching you: Cyberstalking behaviors of university students in romantic relationships. *American journal of criminal justice*, 42, 373-388.

Nawi, F. A. M., Tambi, A. M. A., Samat, M. F., & Mustapha, W. M. W. (2020). A review on the internal consistency of a scale: the empirical example of the influence of human capital investment on Malcom Baldridge quality principles in TVET institutions. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 19-29.

Powell, K. (2018). Cyberstalking: Holding Perpetrators Accountable and Providing Relief for Victims. *Rich. JL & Tech.*, 25, 1.

Rani, N. S. A., Jasmin, N. Z., Nazira, N. A., Ibrahim, M. H. J., & Hassan, M. S. (2022). Cyberstalking and Youth Behaviors via Social Media.

Rosli, W. R. W., Hamin, Z., Abd Rani, A. R., Kamaruddin, S., & Hassan, R. A. (2021). Non-Criminalisation of Cyberstalking and Its Impact on Justice for Victims: Some Evidence from Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 1257-1266.

Saad A. (2016). Kepelbagaian model dan penerimaan maklumat.

Said, T (2018). "Statistical Analysis: Internal-Consistency Reliability And Construct Validity" 27–38. European Centre for Research Training and Development UK. 6(1), 27-38.

Shambhavee, H. M. (2019). Cyber-Stalking: Threat to People or Bane to Technology. *Int. J. Trend Sci. Res. Dev*, 3, 350-355.

Smith, K., & Dhillon, G. (2023). Re-framing the policy conversation for preventing cyberstalking. *Internet Research*, 33(1), 84-123.

Suki, N. M., & Ramayah, T. (2010). User acceptance of the e-government services in Malaysia: structural equation modelling approach. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management*, 5, 395.

Taherdoost, H., & Group, H. (2017). Validity and Reliability of the Research Instrument ; How to Test the Validation of a Questionnaire / Survey in a Research, (September).
<https://doi.org/10.2139/ssrn.3205040>

Todd, C., Bryce, J., & Franqueira, V. N. (2021). Technology, cyberstalking and domestic homicide: Informing prevention and response strategies. *Policing and society*, 31(1), 82-99.

Wan Rosli, W. R., Kamaruddin, S., Abd Rani, A. R., Mohd Saufi, N. N., & Husain, N. M. (2022). Mystalk Alert: A Response to Cyberstalking in Malaysia.

Wilks, C. R., Auerbach, R. P., Alonso, J., Benjet, C., Bruffaerts, R., Cuijpers, P., ... & Kessler, R. C. (2020). The importance of physical and mental health in explaining health-related academic role impairment among college students. *Journal of psychiatric research*, 123, 54-61.

Wilson, C., Sheridan, L., & Garratt-Reed, D. (2022). What is cyberstalking? A review of measurements. *Journal of interpersonal violence*, 37(11-12), NP9763-NP9783.

Wilson, C., Sheridan, L., & Garratt-Reed, D. (2023). Examining cyberstalking perpetration and victimization: A scoping review. *Trauma, Violence, & Abuse*, 24(3), 2019-2033.

Worsley, J. D., Wheatcroft, J. M., Short, E., & Corcoran, R. (2017). Victims' voices: Understanding the emotional impact of cyberstalking and individuals' coping responses. *Sage open*, 7(2), 2158244017710292.

Wright, M. F. (2018). Cyberstalking victimization, depression, and academic performance: The role of perceived social support from parents. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 21(2), 110-116.

Wright, M. F. (2018). Cyberstalking victimization, depression, and academic performance: The role of perceived social support from parents.

Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking, 21(2), 110-1